



KENYATAAN TENDER

CADANGAN PELAWAN TENDER BAGI PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN TAKAFUL AM UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (NO. TENDER : PPJ/T/JW/4/2021)

1. Tender adalah dipelawa kepada Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan serta dibenarkan membuatkan tawaran pada masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:-
2. Maklumat Tender serta kelayakan asas Syarikat adalah seperti berikut :-

Syarat Pendaftaran	Tarikh dan Tempat Taklimat	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen, Bentuk Bayaran & Bayaran Atas Nama	Tarikh, Waktu & Tempat Tender Ditutup
Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod Bidang 221801 (Syarikat Insurans). DAN Mempunyai Lesen Syarikat Takaful Am	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slide) Pada 23 April 2021 di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/second-page/tender Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	23 April 2021 (Jumaat) Sehingga 7 Mei 2021 (Jumaat) Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24 Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	Ringgit Malaysia (RM 200.00) (Tidak dikembalikan) Tunai / Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	20 Mei 2021 (Khamis) 12.00 Tengah hari Bahagian Perolehan & Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
4. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Lesen Takaful Am dan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
5. Tender ini akan ditutup pada **20 Mei 2021** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
6. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
7. Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas Daerah/Negeri dan semua urusan berkaitan dokumen tender ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang berkuatkuasa.